***Tarikh Iklan : 21 Julai 2025***

***Tarikh Tutup Permohonan: 4 Ogos 2025***

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI, UITM SHAH ALAM**

**Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA** dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia (Jawatan Akademik) yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan **Akademik secara Tetap / Kontrak di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Shah Alam.**

**A. JAWATAN AKADEMIK : PENSYARAH UNIVERSITI (KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL)**

| | BIDANG PENGAJARAN |
|---|---|
| AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI, UiTM SHAH ALAM | MUAMALAT |
| | HALAL |

| BIL | JAWATAN | GRED | SKIM PERKHIDMATAN | JADUAL GAJI | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | MINIMUM | MAKSIMUM |
| 1. | PROFESOR | VK7 | PENSYARAH UNIVERSITI | RM 7,990.00 | RM 22,040.00 |
| 2. | PROFESOR MADYA | DS14 | PENSYARAH UNIVERSITI | RM 6,560.00 | RM 15,360.00 |
| 3. | PENSYARAH KANAN | DS13 | PENSYARAH UNIVERSITI | RM 6,210.00 | RM 14,370.00 |
| 4. | PENSYARAH | DS11 | PENSYARAH UNIVERSITI | RM 3,320.00 | RM 12,760.00 |
| **Nota : Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)** | | | | | |

**B. SYARAT-SYARAT LANTIKAN DAN MAKLUMAT JAWATAN**

| | | |
|---|---|---|
| **JAWATAN AKADEMIK** | | |
| **PENSYARAH (TETAP/ KONTRAK) AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI** | | |
| 1. | Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: | |
| | (a) | Warganegara Malaysia |
| | (b) | Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan |
| | (c) | **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DS11** |
| | | (i) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br>(Gaji permulaan ialah pada Gred DS11: RM3,320);<br><br>(ii) atau Ijazah Kedoktoran dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br>(Gaji permulaan ialah pada Gred DS11: RM3,650.00). |
| | (d) | **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DS13** |
| | | (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1 (c) ;<br>(ii) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan<br>(iii) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.<br>(Gaji permulaan ialah pada Gred DS13: RM6,210.00) |
| | (e) | **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DS14 (PROFESOR MADYA)** |
| | | (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c);<br>(ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan<br>(iii) (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.<br>(Gaji permulaan ialah pada Gred DS14: RM6,560.00). |
| | (f) | **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KHAS C (PROFESOR)** |
| | | (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c);<br>(ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan<br>(iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.<br>(Gaji permulaan ialah pada Gred Khas C: RM7,990.00). |
| 2. | | **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**<br><br>Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. |

| | | |
|---|---|---|
| 3. | | **KEPERLUAN TAMBAHAN / KEUTAMAAN**<br><br>i. Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D).<br><br>ii. Calon berkelayakan Ijazah Sarjana hendaklah memiliki CGPA 3.00 ke atas / Kelas Kedua Tinggi/Mumtaz/Jayyid Jiddan atau yang setaraf di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana. [Pengecualian diberikan kepada pemohon yang telah memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) atau Setara].<br><br>iii. Memiliki kelayakan Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Universiti.<br><br>iv. Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br><br>v. Menguasai Bahasa Inggeris (lisan dan tulisan) dengan baik.<br><br>vi. Telah tamat pengajian sepenuhnya. Calon yang sedang mengikuti program Sarjana tidak boleh dipertimbangkan walaupun telah memiliki Ijazah Sarjana Muda.<br><br>vii. Mempunyai rekod peribadi yang baik. Calon yang pernah dibuang kerja atas sebab tatatertib tidak boleh dipertimbangkan.<br><br>viii. Mempunyai pengalaman mengajar merupakan satu kelebihan.<br><br>**Keutamaan diberikan kepada calon yang:**<br><br>(i) Berkebolehan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran;<br><br>(ii) Berpengetahuan luas dalam bidang penyelidikan dan inovasi;<br><br>(iii) Berkebolehan dalam penulisan artikel, jurnal, bahan penerbitan dan sebagainya.<br><br>(iv) Berkemahiran dalam pelbagai perisian komputer berkaitan dengan penyelidikan, kaedah pengajaran dan pembelajaran dan lain-lain yang berkaitan; dan<br><br>(v) Berkomunikasi secara lisan dan bertulis dengan baik, berkebolehan memberikan pendapat secara profesional dan memberi nasihat serta mengemukakan hujah-hujah dengan baik. |
| 4. | | **RINGKASAN TUGAS**<br><br>Bertanggungjawab melaksanakan tugas dengan profesional meliputi seperti pengajaran dan pembelajaran, kepimpinan akademik, pengurusan dasar, penyelidikan, penerbitan, pengkomersilan, perundingan, khidmat nasihat, jaringan dan kolaborasi. |

| CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN | |
|---|---|
| 1. | Permohonan daripada calon yang sedang **berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun MESTILAH MELALUI KETUA JABATAN** dan hendaklah disertakan dengan **SALINAN KENYATAAN PERKHIDMATAN YANG DIKEMAS KINI.** |
| 2. | Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi borang permohonan seperti di lampiran dan melengkapkan maklumat yang diperlukan. |
| 3. | Pemohon perlu menyertakan salinan dokumen berikut yang telah **disahkan** dan hendaklah dikepilkan mengikut susunan berikut: |
| | i. Borang Permohonan<br>ii. Kad Pengenalan & Sijil Kelahiran<br>iii. Sijil PT3/PMR, SPM/MCE, HCE/STPM atau setaraf<br>iv. Diploma/ Asasi, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, Ph.D (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci)<br>v. Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)/ Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)<br>vi. Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada/terdahulu untuk mengambilkira pengalaman kerja/ penetapan gaji<br>vii. Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemas kini (bagi kakitangan kerajaan/ Badan Berkanun/separa kerajaan yang sedang berkhidmat. |
| 4. | Pemohon-pemohon berkelayakan Ijazah Sarjana hendaklah memiliki CGPA 3.00 ke atas/ Kelas Kedua Tinggi/ Mumtaz/ Jayyid Jiddan atau yang setaraf di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana |
| 5. | Hanya pemohon-pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya. |
| 6. | Borang yang tidak lengkap dan permohonan calon dari jabatan kerajaaan/badan berkanun/separa kerajaan yang tidak memohon melalui majikan tidak akan diproses. |
| 7. | Tarikh iklan dikeluarkan pada 21 Julai 2025 (Isnin). **TARIKH TUTUP PERMOHONAN ADALAH PADA 4 OGOS 2025 (ISNIN).** |

Sebarang pertanyaan dan aduan boleh dikemukakan kepada:

**TIMBALAN PENDAFTAR**
**PEJABAT PENTADBIRAN**
**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI**
**UNIVERSIT TEKNOLOGI MARA**
**SHAH ALAM**
**SELANGOR DARUL EHSAN**

No. Tel : +(603) 55442664

Email : surianimusa@uitm.edu.my